

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut]**

**TARIKH : 10 Ogos 2017**

**SOALAN : Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**  
adakah tiada lagi lesen Pukat Tunda Zon B dikeluarkan demi mencapai Penghapusan Pukat Tunda Zon B pada tahun 2020.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah membekukan pengeluaran lesen baharu bagi vesel zon A, B dan C sejak tahun 1982. Dasar tersebut dilaksanakan sebagai *precautionary approach* dalam usaha mengelakkan tekanan berlebihan terhadap sumber perikanan.

Sehubungan itu, tiada lesen baharu bagi vesel pukot tunda zon B dikeluarkan dari tahun 1982 sehingga kini. Ia juga selaras dengan dasar penghapusan vesel pukot tunda zon B menjelang tahun 2020.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @  
JIMMY [KOTA KINABALU]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 80**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jenis-jenis bantuan dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan ke kawasan kampung sekitar Kota Kinabalu contohnya di Pulau Gaya dan Kg. Numbak Sepanggar seperti menyediakan bekalan air dan elektrik, jeti, jambatan dan sebagainya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman yang Berhormat, Projek Jambatan di Jalan Mawilla 2, Sepanggar, Sabah telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP1, RMKe-11) dengan peruntukan sebanyak RM 13.5 juta dan skop membaikpulih jambatan konkrit sedia ada sepanjang 43 meter. Status terkini projek adalah di peringkat perolehan di mana penilaian tender sedang dilaksanakan. Projek ini dijangka akan dimulakan pada bulan Oktober 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 1 Daerah Kota Kinabalu telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP1, RMKe-11) dengan peruntukan sebanyak RM2.01 juta. Projek ini dijangka akan memberikan bekalan air bersih dan terawat kepada 85 buah rumah di Kg. Soang Mbo Darau, Menggatal dan 60 buah rumah di Kg. Talang

Taun, Petagas. Status terkini pelaksanaan projek adalah di dalam proses rekabentuk oleh perunding yang dilantik dan dijangka akan ditender pada Mac 2018.

Manakala, bagi projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula dilaksanakan secara Sambungan Kabel Dasar Laut dengan kos keseluruhan berjumlah RM42,028,491.00. Projek ini telah siap sepenuhnya dan dimulatugas pada 14 Ogos 2012. Dengan terlaksananya projek ini penduduk Pulau Gaya telah menikmati kemudahan bekalan elektrik 24 jam sehari berbanding sebelum ini hanya menerima bekalan elektrik selama 6 jam sehari melalui penggunaan stesen janakuasa luar bandar yang dibekalkan oleh pihak SESB. Penyambungan bekalan elektrik ini melibatkan empat (4) buah kampung iaitu Kg Torong Lobong, Kg Lobong, Kg Kesuapan, Kg Lok Urai serta dua (2) buah sekolah iaitu SMK Pulau Gaya dan SK Pulau Gaya. Sebanyak 1,027 buah rumah telah menerima manfaat daripada projek BELB ini berbanding sebelum ini hanya 80 buah rumah sahaja yang mempunyai meter elektrik dan mendapat bekalan selama 6 jam. Malah, pihak SESB juga memaklumkan bahawa kos operasi dan senggara stesen janakuasa luar bandar dan subsidi bekalan

minyak diesel bagi penggunaan genset dapat dikurangkan sebanyak RM350 ribu setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, semua perancangan berkenaan pembangunan infrastruktur asas adalah di bawah tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri. Sungguhpun begitu, Kerajaan melalui Kementerian ini sentiasa sedia membantu untuk membangunkan kawasan luar bandar di sekitar Kota Kinabalu dan ianya bergantung kepada permohonan dan Senarai Keutamaan Projek dari Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Sabah sebelum dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk pertimbangan kelulusan peruntukan.

Manakala, bagi projek jeti atau jambatan Kementerian ini telah memperuntukan sejumlah RM700,000.00 bagi 6 buah projek di Sepanggar dan Kota Kinabalu. Kementerian ini juga sentiasa bersedia sekiranya terdapat projek-projek dengan keperluan yang mendesak di kawasan Sepanggar dan Kota Kinabalu.